



07 FEB, 2025

## Segera umum tarif elektrik - Samenta

Kosmo, Malaysia



# Segera umum tarif elektrik – Samenta

- **Bantu PMKS rancang perniagaan**
- **TNB diminta jelaskan usaha pengurangan kos**

**PETALING JAYA** – Kerajaan disarankan supaya menentukan kuantum kenaikan tarif elektrik secepat mungkin bagi menangani sebarang ketidaktentuan yang boleh menjaskas strategi perniagaan, menurut Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (Samenta).

Presidennya, Datuk William Ng berkata, semakin cepat pengumuman dibuat, semakin cepat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dapat merancang perniagaan mereka.

"Kerajaan harus tentukan kuantum kenaikan secepat mungkin. PMKS sudah pun menghadapi kenaikan kos yang agak ketara, termasuk kenaikan gaji minimum dan kos pematuhan lain, selain kenaikan cukai dan caj perkhidmatan oleh pelbagai agensi kerajaan serta pihak berkuasa tempatan."

"Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, sebarang kenaikan kos akan memberi impak kepada keberuntungan dan kelangsungan perniagaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang Dewan Rakyat pada Selasa menegaskan kenaikan tarif elektrik yang akan dilaksanakan bermula Julai hanya melibatkan sektor industri serta golongan berpendapatan


tinggi, tanpa memberi kesan kepada 85 peratus rakyat.

Katanya, kenaikan tarif adalah mengikut kaedah Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api.

Tambahnya, kerajaan juga telah menegur Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung pengumuman kenaikan kadar tarif elektrik sebelum ini, yang dibuat secara umum.

Sementara itu, Samenta turut mendesak TNB supaya lebih telus mengenai langkah-langkah pengurangan kos mereka.

"Ketika perniagaan diminta membayar lebih untuk mengekalkan keuntungan syarikat tersebut, adalah wajar bahawa orang ramai mengetahui apa yang sedang dan telah dilakukan oleh TNB untuk menekang kos mereka," ujar William.



**PMKS berdepan kenaikan pelbagai kos tahun ini, termasuk pelaksanaan gaji minimum dan kos pematuhan lain oleh agensi kerajaan.** – GAMBAR HIASAN